

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
(SEREMBAN)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan butir-butir terperinci perolehan “Rolling Stocks” untuk perkhidmatan ETS Gemas-Johor Bahru termasuk kos perolehan, syarikat pembekal, kaedah perolehan dan butiran lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi pada 30 Oktober 2017, telah meluluskan perolehan *Rolling Stocks* ETS Gemas – Johor Bahru dengan jumlah kos keseluruhan projek sebanyak RM 587 juta. Bagi menyokong pelan perkhidmatan ETS secara keseluruhan dan selaras dengan penyiapan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru yang dijangka pada Jun 2023, Lanjutan itu selaras dengan PK/PP 2.1 yang berkuatkuasa satu pelawaan tender telah dimuat naik ke laman sesawang Kementerian pada 23 Januari 2020 dan susulan dari itu satu taklimat tender telah diadakan pada 3 Februari 2020. Sebagai rekod, sebanyak 29 buah syarikat tempatan telah hadir semasa taklimat tender tersebut dan sebanyak 17 buah syarikat telah membeli dokumen tender. Proses penilaian kewangan dan teknikal telah bermula di antara 18 Mei 2020 dan berakhir pada 5 Jun 2020.

Berdasarkan kepada skop dan kos yang ditetapkan, hanya 3 buah syarikat sahaja yang mengambil bahagian di dalam proses tender perolehan ini. Satu laporan penilaian tender perolehan ini telah dibentang kepada Lembaga Perolehan Kementerian Pengangkutan yang telah bersidang pada 23 Jun 2020, Namun, tiada petender yang lulus bagi kedua-dua penilaian kewangan dan teknikal di dalam perolehan ini.

Sehubungan itu, satu semakan dan kajian pasaran telah dilaksanakan semula bagi meneliti keperluan sebenar. Terdapat 3 syarikat tempatan sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) melalui kod bidang pembuatan. Namun hanya 2 syarikat pembuatan tempatan sahaja yang aktif di dalam pembuatan dan pemasangan *Rolling Stocks* termasuk syarikat luar yang telah melabur dan membina *plant* mereka di Malaysia.

Berdasarkan trek rekod dan kelulusan Kementerian Kewangan, dan sepertimana yang telah dijawab semasa sesi jawapan peringkat jawatankuasa pada 1 Disember 2021, Kementerian ini telah memutuskan

SOALAN NO. 8

untuk melantik syarikat CRRC Rolling Stock (Malaysia) Sdn. Bhd. (CRM) bagi Perolehan Tren ETS *Six-Cars Sets* yang baharu ini memandangkan syarikat ini telah menawarkan penurunan harga sebanyak 22% daripada kos sebenar perolehan ini, iaitu penjimatan kira-kira RM 80 Juta untuk Kerajaan.